

15/03/1999

Rakyat Sabah buat pilihan bijak

na Rusli; Ramli Ibrahim; Norfatimah Ahmad; Azli Ayob; Kandau Sidi KUALA LUMPUR, Ahad - Pemimpin parti komponen Barisan Nasional (BN) menyifatkan kemenangan BN dalam pilihan raya Sabah, sebagai pilihan bijak rakyat negeri itu, sekali gus menjamin pembangunan berterusan di Sabah.

Ia juga membuktikan keyakinan rakyat Sabah terhadap kepemimpinan dan keikhlasan BN di bawah kepemimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Di Sungai Siput, Pengerusi MIC, Datuk Seri S Samy Vellu, berkata kemenangan besar BN itu memberi peluang lebih luas kepada rakyat Sabah untuk menikmati pembangunan pada masa depan.

Beliau yang juga Menteri Kerja Raya, berkata kemenangan itu juga akan memudahkan lagi tenaga kerja BN menyediakan pembangunan dan infrastruktur dengan lebih lengkap.

Samy Vellu berkata, kemenangan itu menunjukkan Umno mampu meraih sokongan tinggi dan diterima oleh penduduk Sabah sebagai parti utama di negara ini.

Katanya, kekalahan Ketua Menteri merangkap Pengerusi BN Sabah, Tan Sri Bernard Dompok mempertahankan kerusinya di Moyog kepada calon PBS dan Datuk Joseph Kurup (Bingkor) serta Datuk Chan Tet On (Api-Api), menunjukkan PBS hanya memberi lebih tumpuan di kawasan itu.

Di IBU NEGARA, Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Zaleha Ismail, berkata rakyat Sabah membuat pilihan bijak dengan memilih semula BN untuk memerintah negeri itu.

Katanya, kemenangan semua calon Umno menunjukkan Umno diterima sepenuhnya oleh rakyat Sabah berbanding parti pembangkang seperti Pas, yang gagal menambat hati rakyat negeri itu.

Di KEDAH, Menteri Besar, Tan Sri Sanusi Junid menganggap kegagalan Pengerusi BN Sabah, Tan Sri Bernard Dompok dalam pilihan raya negeri semalam, sebagai kekalahan sementara.

Sanusi yakin BN mempunyai prospek yang cerah dalam pilihan raya negeri akan datang dan Dompok akan diterima semula oleh rakyat Sabah.

Di GEORGETOWN, Ketua Menteri, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon, menyifatkan kemenangan itu sebagai undi kepercayaan rakyat terhadap kepemimpinan BN di peringkat pusat dan negeri.

Menurutnya, pencapaian membanggakan itu menunjukkan kebanyakan rakyat Sabah sudah memahami dan menerima konsep dan keberkesanan BN dalam menjamin kestabilan dan keharmonian negara.

"Kemenangan ini adalah undi kepercayaan kepada kepemimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi," katanya.

Di SHAH ALAM, Pengerusi Badan Perhubungan Umno Selangor, Datuk Seri Abu Hassan Omar, berkata kemenangan BN akan membantu negeri itu menikmati pembangunan setanding dengan negeri lain di Semenanjung.

"Ini adalah kemenangan yang cemerlang dan saya mengucapkan tahniah kepada seluruh BN Sabah dan rakyat kerana bijak memilih parti yang dapat memberikan sumbangan kepada pembangunan dan kemajuan Sabah," katanya.

Abu Hassan berharap rakyat Sabah dapat menerima konsep BN yang selama ini sudah terbukti membawa pelbagai kemajuan dan perubahan kepada rakyat.

Di TEREKANGU, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz, berkata BN mencatatkan kemenangan di luar jangkaan walaupun sebelumnya yakin dapat mencapai majoriti mudah.

"Pada pilihan raya sebelum ini, sukar untuk menjelaskan konsep

perjuangan BN yang mengutamakan pembangunan tetapi kini lebih mudah sungguhpun masih ada tempat yang menebal dengan perkauman dan perbezaan agama," katanya.

Beliau berkata, kemenangan itu juga menunjukkan jentera pentadbiran BN dan Umno lebih kemas ketika beroperasi di peringkat akar umbi, terutama ahli parti komponen bekerjasama memastikan kemenangan calon BN.

Malah, katanya, penduduk Sabah juga kini sedar proses pembangunan negeri tidak boleh berjalan berasingan dan sendiri, sebaliknya ia perlu penyelarasan dasar dan kerjasama rapat dengan Kerajaan Pusat.

"Janji pembangkang seperti PBS hanya tinggal janji walaupun ia boleh menubuhkan kerajaan tetapi ia tidak mampu memberi kemudahan yang diperlukan rakyat Sabah," katanya.

Menteri Besar Terengganu, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad, berkata kemenangan besar BN di Sabah memastikan program pembangunan berterusan dapat dilaksanakan di negeri itu supaya ia setanding dengan pembangunan negeri lain di Semenanjung.

"Kemenangan yang hampir mendapat majoriti dua pertiga itu memastikan janji pembangunan kerajaan BN sebelum pilihan raya dapat dibuat dengan segera," katanya yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno Terengganu.

Wan Mokhtar juga meminta Presiden PBS, Datuk Pairin Kitingan menerima kekalahan partinya dengan baik dalam pilihan raya itu tanpa perlu membangkitkan soal pengundi hantu dan taktik jahat BN untuk memenangnya.

Di MELAKA, Ketua Menteri, Datuk Seri Abu Zahar Isnin, berkata kemenangan BN membuktikan majoriti rakyat negeri itu menerima kepemimpinan BN, termasuk Umno, yang diterajui Dr Mahathir.

Katanya, ramai rakyat Sabah sudah berubah fikiran dengan mengutamakan perjuangan nasional dan mengetepikan semangat kedaerahan serta kenegerian.

Ahli Majlis Tertinggi Umno, Datuk Wira Mohd Ali Rustam, berkata, rakyat Sabah menolak unsur-unsur luar yang sentiasa menekan dan ingin campur tangan dalam hal ehwal Malaysia.

Katanya, rakyat Sabah tidak mahu dijajah oleh negara luar tetapi mahu terus bersatu di bawah pimpinan BN yang dipimpin Dr Mahathir.

Di KUCHING, parti komponen BN di Sarawak menganggap kemenangan besar itu membuktikan rakyat negeri itu sudah memahami keikhlasan kerajaan membangunkan mereka.

Malah, kejayaan memperolehi 31 daripada 48 kerusi pada pilihan raya kesembilan itu, sekali gus menafikan dakwaan BN di Sabah mulai lemah.

Timbalan Presiden Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB), Tan Sri Alfred Jabu anak Numpang, berkata rakyat Sabah kini sudah bijak memilih parti yang difikirkan mampu membawa perubahan positif kepada mereka.

"Majoriti besar itu jelas melambangkan rakyat negeri itu sudah bijak menilai parti yang dapat membawa pembangunan kepada mereka dan menolak dakyah palsu yang dilemparkan pembangkang," katanya.

Jabu berkata, dengan mandat baru itu, parti komponen BN di Sabah akan dapat menunaikan tanggungjawab membawa kesinambungan pembangunan yang telah dilaksanakan sebelum ini.

Setiausaha Agung Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS), Dulbin Unting anak Ingkot, berkata PBDS mengucapkan syabas kepada parti BN di Sabah, atas kejayaan memperolehi kemenangan majoriti pada pilihan raya itu.

Beliau yang turut membantu kempen BN di Sabah pada pilihan raya itu berkata, seperti yang diramalkan sebelum ini parti BN di Sabah berjaya merampas beberapa kerusi yang menjadi kubu kuat pembangkang.

"Bagaimanapun, kita agak terkilan dengan kekalahan pemimpin parti komponen, Tan Sri Bernard Dompok dan Datuk Joseph Kurup, tetapi kita bersyukur kerana rakyat Sabah masih memberikan kepercayaan penuh kepada BN," katanya.

Parti Bersatu Rakyat Sarawak (SUPP) menyifatkan kemenangan itu

menunjukkan kematangan rakyat memilih kerajaan, selain menggambarkan mereka tidak lagi mudah percaya dengan dakwah palsu parti pembangkang.

Penolong Bendahari parti itu, Chan Seng Khai, yakin seperti negeri lain, Sabah di bawah naungan BN akan dapat berkembang maju pada masa depan.

Di KOTA BHARU, Setiausaha BN Kelantan, Datuk Mohd Ariffin Hamid, berkata kemenangan itu boleh dijadikan titik tolak terhadap usaha parti itu merampas Kelantan daripada Pas.

Menurutnya, agenda pembangunan yang dilaksanakan di Sabah hampir sama dengan keperluan di Kelantan.

Justeru, katanya, masanya sudah tiba bagi rakyat Kelantan mencontohi sikap rakyat Sabah yang memberi mandat kepada BN untuk memerintah negeri itu bagi penggal kedua berturut-turut.

(END)